

Sejarah Perjuangan Tok Janggut atau Haji Mat Hassan, 1915 di Kelantan

Oleh:

Nik Haslinda Nik Hussain
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
nlinda@usm.my

Kertas kerja ini membentangkan perjuangan Haji Mat Hassan dan pengikut-pengikutnya terutama pada zaman pentadbiran kolonial. Sejarah tentang Haji Mat Hassan lebih merupakan sejarah Tok Janggut yang digambarkan oleh sarjana pentadbir sebagai seorang penderhaka dan penduduk Jeram yang merusuh. Justeru, sejarah itu adalah sejarah mereka tetapi bukan sejarah kita. Tidak hairanlah kalau semua cerita mengenai Haji Mat Hassan adalah cerita mengenai pemberontakan dan keganasan kerana sampai hari ini pun kebangkitan Islam menentang Barat ditafsirkan sebagai pelampau, pengganas dan penyeleweng. Perbincangan tentang perjuangan Tok Janggut pada tahun 1915 merupakan satu kebangkitan segolongan orang kampung di Pasir Puteh yang tidak berpuas hati terhadap cukai yang dikenakan kepada mereka. Kertas kerja ini diharap dapat menyumbang kepada penemuan baru kepada sejarah perjuangan seorang anak watan Serambi Mekah terhadap agama dan tanahairnya. Sudah sampai masanya Haji Mat Hassan dilihat sebagai ikon perjuangan yang menentang perhambaan, penindasan dan kerakusan sama ada ia datang daripada kuasa kolonial atau talibarutnya)

Kata kunci: **Perjuangan Mat Hassan, Pentadbiran kolonial, pemberontakan, cukai, kebangkitan Islam.**

Pengenalan

Haji Mat Hassan ialah anak kepada panglima Munah iaitu panglima kesayangan engku Seri Maharaja Jeram. Beliau lahir pada 1853 di Kampung Jeram. Sejak kecil beliau telah dihantar mengaji di sebuah pondok di Kelantan. Beliau mempelajari seni silat dari seorang Minangkabau. Setelah tamat pengajian, Nik Hassan berkhidmat sebagai panglima kepada Engku Seri Maharaja Jeram. Beliau kemudiannya menunaikan haji di Mekah. Sekembalinya dari Mekah, Nik Hassan digelar Tok Janggut kerana janggutnya yang panjang. Beliau tinggal

di Kampung Nering dan berkahwin dengan Siti Hajar, namun tidak mempunyai anak. Pekerjaan Janggut ketika itu ialah bertani dan mengajar seni silat. Pada waktu lapang, Tok Janggut suka berlaga ayam dan bermain gasing. Menurut Nik Anuar Nik Mahmud, dengan keberanian dan kebengisan Tok Janggut beliau telah dianggap oleh orang kampung sebagai ketua mereka. Beliau sangat dihormati. Menurut Nik Anuar Nik Mahmud (1999: 32) orang kampung menghormati Tok Janggut kerana beliau cepat tersinggung dan kadang-kadang membawa kepada pertikaman dan juga pembunuhan orang dalam diam-diam.

Tok Janggut dan Gerakan Anti-British, 1904-1914

Dalam sejarah kebangkitan rakyat Kelantan menentang pentadbiran kolonial pada tahun 1915, Tok Janggut memainkan peranan penting sekali di dalam kebangkitan itu. Sebenarnya, kesan-kesan perubahan kepada rakyat Kelantan yang membawa kepada kebangkitan pada tahun 1915 berpunca dari pembukaan bandar Pasir Puteh pada tahun 1904 dan pelantikan ketua jajahan iaitu incheYim. Di setiap daerah pula dilantik Tok Kweng atau Penggawa untuk mengurus dan membantu ketua jajahan menjalankan pentadbiran. Di daerah Jeram, Tok Kwengnya ialah Engku Muda manakala Engku Besar Tuan Ahmad anak kepada Engku Pandak telah diangkat menjadi Tok Kweng muda sahaja. Tanggungjawab Tok Kweng ialah menjaga keamanan di dalam daerahnya dan memungut hasil mahsul serta menjalankan urusan-urusan tentang tanah, penyembelihan lembu, kerbau dan lain-lain. Di bawah Tok Kweng dilantik pula Tok Nebeng (penghulu) yang bertanggungjawab kepada Tok Kweng. Tok Nebeng bertanggungjawab mengutip hasil dan menjaga keamanan kampung. Struktur pentadbiran ini menunjukkan bahawa satu sistem pentadbiran moden telah diwujudkan di

Pasir Puteh. Menurut tulisan Nik Anuar Nik Mahmud¹ pada awal kurun ke-20 kebanyakan penduduk di jajahan ini tinggal di daerah Jeram iaitu Jeram, kampung Saring, kampung Nering, kampung Raja dan Pengkalan Limbongan. Ramai daripada penduduk tinggal di daerah Jeram kerana ia merupakan pusat pentadbiran raja wilayah semenjak Long Ghafar lagi. Pasir Puteh juga terkenal sebagai pusat perniagaan yang menghubungkan daerah-daerah lain seperti Bachok atau Tumpat, Kota Bharu dan Kuala Terengganu melalui sungai Semerak.

Pembukaan bandar Pasir Puteh dan pelantikan ketua jajahan telah memberi yang amat mendalam Engku Besar Tun Ahmad. Perubahan tersebut bermakna kekuasaan tradisi terhadap daerah Jeram semenjak Long Ghafar lagi mulai merosot dan kehilangan kuasa. Kedudukannya hanya sebagai Tok Kweng muda membimbangkan Engku Besar Tun Ahmad kerana posisi tersebut bererti Engku Besar berada di bawah ketua jajahan. Engku Besar Tun Ahmad enggan menerima perubahan ini kerana akan merendahkan kedudukannya sebelum ini yang berlatar belakang sejarah keturunan beliau dari long Ghafar dan diberi kuasa autonomi untuk mentadbir Jeram. Ketidakpuasan hati ini juga disebabkan oleh ketua jajahan itu bukan anak tempatan tetapi anak Singapura.² Perasaan tidak puas hati Engku Besar ini mendapat simpati Tok Janggut iaitu bekas panglima kepada almarhum Engku Seri Maharaja Jeram. Beliau juga turut mendapat simpati dari penghulu Adam, Haji Said Merbol dan incheIshak.³

Perasaan tidak puas hati semakin bertambah apabila Encik Yim telah meluluskan satu sistem kutipan hasil untuk menambahkan hasil kepada kerajaan. Sistem tersebut telah mengenakan hasil sebanyak RM 1 per orang kepada rakyat setiap tahun, pokok buah-

¹ Nik Anuar Nik Mahmud (1999), *Tok Janggut Pejuang atau Penderhaka?*, Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia

² Nik Anuar Nik Mahmud, *Tok Janggut Pejuang atau Penderhaka?*, hlm. 30.

³ MS 2003/003406, A Kelantanese Manuscript: Cerita Tok Janggut Early's 20th century Kelantan; Nik Anuar Nik Mahmud, *Tok Janggut Pejuang atau Penderhaka?*, hlm. 33.

buah satu kupang 12 1/2 sen, pokok nyiur sekeneri 3 sen sepohon, sirehsejunjung dan binatang peliharaan iaitu lembu, kerbau 20 sen seekor, anjing dan babi 5 sen. Mana-mana kayu yang boleh dibuat perkakas rumah dikenakan hasil iaitu \$ 1 sepokok dan hasil tanah pula 60 sen sejajra (seekar). Undang-undang hasil padi juga telah diluluskan pada tahun 1905 di seluruh Kelantan. Mengikut peraturan hasil padi tersebut, Tok Kweng telah diarahkan supaya menilai hasil setiap kampung. Penduduk kampung juga diarah supaya memberitahu Tok Kweng tentang jumlah dan lokasi tanah untuk dibukukan dalam rekod bersama dengan jumlah yang patut dibayar. Pengiraannya adalah berdasarkan kiraan penjuru tanah. Satu penjuru disamakan dengan 400 depa persegi. Bagi tiap-tiap penjuru dikenakan hasil padi sebanyak 3 kupang setahun. Bagi ladang atau tunggal dikenakan 30 kupang setahun. Jika kurang daripada 200 depa hasil padi dikecualikan (A Kelantanese Manuscript: Cerita Tok Janggut Early's 20th century Kelantan; Nik Anuar Nik Mahmud, 1999:33). Terdapat pengecualian dalam sistem hasil ini. Antaranya, Duli Yang Dipertuan Sultan dikecualikan dari hasil padi pada semua tanah manakala anak dan cucu baginda dikecualikan separuh dari tanah-tanah padi itu. Tok Weng dikecualikan sebanyak 32 penjuru, Tok Imam sebanyak 24 penjuru, tok bilai sebanyak 16 penjuru dan kerani Tok Kweng sebanyak 8 penjuru. Semua tanah wakaf dikecualikan daripada hasil padi.

Fenomena ini menunjukkan bahawa beban hasil padi itu hanya membebankan golongan rakyat biasa atau rakyat tani yang bergantung kepada sara diri. Peraturan ini mendatangkan kegelisahan rakyat kerana ketidakmampuan membayar hasil. Penindasan melalui sistem hasil baru yang dilakukan oleh kerajaan telah menyebabkan Tok Janggut dan rakan seperjuangannya menjalankan kempen di setiap kampung di daerah Jeram supaya rakyat berhenti daripada membayar hasil. Bagaimanapun gerakan berkempen ini tidak lah begitu ekstrem kerana incheYim telah ditukar⁴ dan diganti oleh Nik Salleh. Setelah ketua

⁴ MS 2003/003406, A Kelantanese Manuscript: Cerita Tok Janggut Early's 20th century Kelantan.

jajahan dipegang oleh anak tempatan, kegelisahan rakyat telah reda kerana peraturan hasil baru itu digantung. Oleh kerana kebijaksanaan Nik Salleh mengambil hati rakyat, kegelisahan telah berkurangan. Setahun kemudian Nik Salleh telah ditukarkan dan diganti oleh encik Latiff orang Singapura. Beliau seorang yang tegas. Semasa incheLatiff memegang jawatan itu, kutipan hasil berkurangan sebanyak \$1,300. Keadaan ini disebabkan oleh gerakan permulaan oleh Tok Janggut. incheLatiff mula bertindak dengan mengarahkan peraturan hasil baru dijalankan semula. Jika tidak membayar hasil itu, akan didenda dan akan dibawa kemahkamah. Bagi sesiapa yang tidak bekerjasama dengan Tok Kweng dan Tok Nebeng akan dihukum. Arahan incheLattif menimbulkan kembali kegelisahan orang kampung di daerah Jeram kerana pengeluaran padi pada tahun 1912 tidak menjadi. Akibatnya harga padi naik sebanyak 6 sen segantang. Pada tahun 1913 hasil di Pasir Puteh meningkat \$1,600 disebabkan tindakan incheLatiff. Berikutnya, pada tahun 1914 Kelantan mengalami keadaan meleset dan menyebabkan pendapatan negeri jatuh. Menurut Nik Anuar Nik Mahmud hasil negeri pada tahun 1914 sebanyak \$762,772 sedangkan perbelanjaan dalam negeri sebanyak \$805,965 menyebabkan kekurangan sebanyak \$443,193.⁵

Reaksi terhadap Pengenalan Peraturan Tanah Baru 1914 dan Kebangkitan Tok Janggut, 1915

Setakat ini beberapa langkah pembaharuan telah dilaksanakan oleh pemerintah penjajah di negeri Kelantan yang memberi kesan kepada sosioekonomi di Kelantan. Pengenalan sistem Peraturan Tanah Baru 1914 telah mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Kelantan. Ianya bukan sahaja menambahkan beban yang ditanggung oleh rakyat luar bandar malah sistem itu juga turut memburukkan lagi keadaan akibat daripada corak pemilikan tanah yang tidak sama rata. Sesungguhnya bebanan itu telah

⁵Nik Anuar Nik Mahmud (1999), *Tok Janggut Pejuang atau Penderhaka?*.

menambahkan lagi kebencian masyarakat Kelantan yang selama ini ternyata tidak merestui kehadiran British di negeri itu.

Pentadbiran British di dalam negeri Kelantan masih mengekalkan sistem pembesar dengan syarat perjalanan pentadbiran harus mengikut nasihat dan telunjuk Penasihat British. Manakala di peringkat jajahan ditadbir oleh Pegawai Daerah yang biasanya terdiri daripada bangsa British atau orang luar. Mereka yang dimaksudkan itu seperti di jajahan Pasir Puteh ditadbir oleh Encik Abdul Latif yang berasal dari Singapura dan bagi jajahan Hulu Kelantan, ditadbir oleh T.S. Adams yang merupakan orang British. Justeru, dengan pengenalan sistem pentadbiran British dan juga perubahan-perubahan yang dilakukan telah didapati merugikan pembesar-pembesar tempatan. Antaranya Engku Besar Jeram Tuan Ahmad⁶ yang terpaksa menanggung kerugian⁷ akibat campur tangan British. Malahan dengan pengambil alihan pemerintahan negeri Kelantan, kuasa pembesar-pembesar Melayu dalam Majlis Negeri juga turut dikurangkan lagi. Bukan itu saja, kuasa yang tinggal pada mereka hanyalah setakat memberi apabila diminta dan meluluskan undang-undang. Lebih malang lagi, dalam banyak perkara pandangan pembesar-pembesar negeri diketepikan sahaja oleh Penasihat-penasihat British.

Bagaimanapun di peringkat pentadbiran negeri, kedudukan sultan masih diberi perhatian misalnya dengan memberi ganjaran seperti gaji sebanyak \$4,800 setahun dan dianugerah darjah kebesaran (*K.C.M.G.*) oleh kerajaan British. Ini bertujuan untuk menawan hati Long Senik, iaitu sultan Kelantan pada masa British mula bertapak di negeri itu. Malah bagi memastikan sultan sentiasa memihak kepada Britain, Gabenor Negeri-negeri Selat, Arthur Young telah meminta Penasihat British Kelantan pada waktu itu iaitu William

⁶ Beliau adalah cicit kepada Long Gapar iaitu Perdana Menteri Kelantan (pengasas kerajaan Kelantan) yang berjasa besar kerana membantu Long Yunus merampas semula takhta daripada Long Deraman. Untuk keterangan lanjut mengenai keturunan Long Gapar dan Jeram, lihat Yahya Abdullah, *Peperangan Kelantan atau Balasan Derhaka*, Kota Bharu, Kelantan, 1955.

⁷ Kerugian kerana merasakan haknya mentadbir Pasir Puteh telah diberikan kepada orang luar.

Langham-Carter, agar menjamin keadaan tersebut.⁸Peringatan ini diberi kepada Penasihat British atas dasar kebimbangan akan kemungkinan orang Melayu mengambil kesempatan menentang British berikutan Perang Dunia Pertama pada bulan Ogos 1914 yang melibatkan Britain, Perancis dan Rusia di satu pihak dan Jerman serta Austria di pihak yang lain. Ternyata telegram kepada King George IV untuk menyatakan sokongannya. Selain itu, sultan diminta supaya berdoa agar kemenangan memihak kepada British.⁹ Untuk membuktikan kesetiaannya kepada kerajaan British, baginda mengarahkan agar semua orang alim di Kota Bharu berdoa untuk kemenangan British dan bagi sesiapa yang ingkar akan dihukum.¹⁰

Memandangkan sultan dan pembesar Melayu di Kota Bharu tidak berdaya melawan kehendak pihak pentadbiran British terutama dalam menyelesaikan masalah penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan undang-undang tanah, maka sentimen anti-British semakin meningkat di kalangan rakyat luar bandar terutamanya. Mereka ini majoritinya golongan petani yang terpaksa menanggung beban hasil dari peraturan cukai tanah baru yang diperkenalkan. Oleh kerana bebanan ini turut dirasai juga oleh sesetengah pembesar tempatan yang merasa dirugikan, maka tercetus kebangkitan rakyat tempatan sebagai reaksi terhadap perubahan pentadbiran yang diperkenalkan oleh British. Pemimpin-pemimpin utama dalam perjuangan ini ialah Haji Mat Hassan yang lebih dikenali sebagai Tok Janggut dan Engku Besar Jeram.

⁸ Peringatan ini diberi kepada Penasihat British atas dasar kebimbangan akan kemungkinan orang-orang Melayu mengambil kesempatan menentang British berikutan Perang Dunia Pertama pada bulan Ogos 1914 yang melibatkan Britain, Perancis dan Rusia di satu pihak dan Jerman serta Austria di pihak yang lain. Ternyata kerajaan British amat berpuas hati apabila Sultan Muhammad IV mengirim telegram kepada King George IV untuk menyatakan sokongannya. Selain itu sultan diminta supaya berdoa agar kemenangan memihak kepada British. Untuk melihat bagaimana peranan Penasihat British mempengaruhi sultan, rujuk Langham-Carter kepada sultan Kelantan, 8 Ogos 1914, fail *British Adviser, Kelantan*1176/15. Untuk membuktikan kesetiaannya kepada kerajaan British, baginda mengarahkan agar semua orang alim di Kota Bharu berdoa untuk kemenangan British dan bagi sesiapa yang ingkar akan dihukum. Lihat, arahan sultan kepada Mufti Hj. Wan Musa, 8 Ogos 1914, Pejabat Balai Kelantan, No. 204/14.

⁹Langham-Carter kepada sultan Kelantan, 8 Ogos 1914, BAK 1176/14.

¹⁰ Sultan kepada Mufti Haji Wan Musa, 8 Ogos 1914, Pejabat Balai Kelantan, No. 204/14.

Kebangkitan rakyat di jajahan Pasir Puteh merupakan reaksi masyarakat yang menyokong perjuangan Tok Janggut. Melalui pendedahan oleh sarjana-sarjana tentang sejarah perjuangan Tok Janggut atau Haji Mat Hassan bersama rakan seperjuangannya Penghulu Adam, Haji Said dan Sahak yang menawarkan diri kepada Engku Besar Jeram untuk menubuhkan barisan menentang British.¹¹ Selain ingin menentang kehadiran pemimpin bangsa asing yang dianggap sebagai kafir harbi memerintah negeri itu, sebab lain yang membawa kepada tekad beliau untuk menubuhkan barisan penentang British adalah merasakan tidak puas hati terhadap penghinaan yang diterima daripada Pegawai Daerah ketika itu, Encik Latif di khalayak ramai sewaktu beliau ingin membuat bayaran hasil (cukai) di Pejabat Tanah Pasir Puteh. Justeru, bersama perasaan simpati kepada penderitaan rakyat yang dibebani dengan pelbagai jenis hasil dan perasaan tidak puas hati dengan kehadiran orang luar yang mentadbir Pasir Puteh (kerana menganggap jajahan itu hak keturunan Long Gafar) maka mereka perlu bertindak. Reaksi masyarakat tersebut menggambarkan bagaimana gerakan anti-hasil mempengaruhi tindakbalas penduduk terhadap persekitaran sosiopolitik dengan menyaksikan kebangkitan bersenjata pada tahun 1915.

Hakikatnya perbincangan mengenai perjuangan Tok Janggut atau Haji Mat Hassan menentang perluasan kuasa kolonial British ke atas dunia Islam telah sering kali diperkatakan dan ditulis oleh ramai sarjana. Nik Anuar Nik Mahmud (1999) misalnya berpendapat Islam menjadi titik tolak perjuangan Tok Janggut, 1915 dan menjadi alasan penting yang membangkitkan semangat dan perjuangan mereka. Tidak dinafikan apabila faktor jihad tersebut dipadukan dengan kekecewaan pembesar daerah mengenai kekuasaan dan kedudukannya serta kemarahan orang ramai akibat dari pengenalan peraturan yang

¹¹ Selain ingin menentang kehadiran pemimpin bangsa asing yang dianggap sebagai kafir harbi memerintah negeri itu, sebab lain yang membawa kepada tekad beliau untuk menubuhkan barisan penentang British adalah merasa tidak puas hati terhadap penghinaan yang diterima daripada Pegawai Daerah ketika itu, Encik Latif di khalayak ramai sewaktu beliau ingin membuat bayaran hasil (cukai) di Pejabat Tanah Pasir Puteh. Justeru itu, bersama perasaan simpati kepada penderitaan rakyat yang dibebani dengan pelbagai jenis hasil dan perasaan tidak puas hati dengan kehadiran orang luar yang mentadbir Pasir Puteh kerana menganggap jajahan itu hak keturunan Long Gafar.

dikeluarkan pada 19 Mac 1914 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 1915, iaitu menetapkan cukai ke atas tanah, kemarahan rakyat Kelantan tidak dapat dibendung lagi. Dalam cukai baru ini setiap tanah sama ada dikerjakan atau tidak dikerjakan diwajibkan membayar cukai. Jika gagal membayar cukai atau hasil, mereka akan didenda. Cheah Boon Kheng (2005) berpendapat perkara inilah yang menimbulkan kebencian mereka kepada British sehingga tercetus apa yang namakan Perjuangan Tok Janggut.

Faktor lain yang mencetuskan penentangan Tok Janggut adalah kesan daripada hasil tanaman yang tidak begitu menjadi kerana tanaman rosak pada tahun 1915. Faktor ketidakcekapan pegawai yang bertugas juga sering mengecewakan penduduk yang datang untuk membayar cukai. Lazimnya pegawai-pegawai tersebut banyak melakukan kekasaran. Tok Janggut sendiri terpaksa datang beberapa kali untuk membayar cukai tetapi hampa. Selain itu faktor anti-orang luar juga turut menjadi penyebab yang membawa kepada tercetusnya penentangan Tok Janggut. Tindakan melantik orang luar dalam pentadbiran jajahan telah berlaku sejak W.A. Graham menjadi Pesuruhjaya Siam di Kelantan pada tahun 1903 lagi. Salah satu perubahan yang disyorkan setelah beliau menjawat jawatan Pesuruhjaya Kelantan adalah pembentukan daerah di Kelantan. Untuk mengisi jawatan Ketua Daerah atau Ketua Jajahan, pada tahun 1905 telah dilantik Encik Ibrahim, yang berasal dari Singapura sebagai Ketua Jajahan Pasir Puteh. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jajahan untuk memungut cukai tanah di samping tugas di bidang kehakiman.¹² Justeru, pada masa penentangan Tok Janggut berlaku, Pegawai Daerah ialah Che Abdul Latif, berasal dari Singapura. Oleh kerana tidak mahu mereka ditadbir oleh orang luar, penduduk Pasir Puteh

¹² Kesan daripada perubahan pentadbiran British tersebut bukan sahaja melibatkan pungutan cukai ke atas tanah malah tindakan W.A. Graham ini juga telah merugikan pembesar di daerah itu. Akibat daripada pembentukan daerah Pasir Puteh ternyata telah menggugat kuasa pembesar daerah yang berkuasa di Jeram termasuk Pasir Puteh iaitu Engku Besar Jeram Tuan Ahmad. Dengan adanya Ketua Jajahan untuk mentadbir jajahan itu, beliau bukan sahaja kehilangan kuasa, hak keistimewaan dan kewibawaan, malah peranannya juga telah diambil oleh Ketua Jajahan. Dalam pentadbiran baru itu Engku Besar Jeram hanya dilantik sebagai Tok Kweng (Penggawa) Muda.

melantik Engku Besar Jeram Tuan Ahmad sebagai pemerintah Pasir Putih sebagai bantahan kepada pihak British.

Berbalik kepada faktor pengenalan peraturan tanah baru, sebenarnya sebelum 'Peraturan Tanah Baru 1914' diperkenalkan oleh Penasihat British, sudah ada peraturan yang berkaitan dengan pungutan cukai tanah, tumbuh-tumbuhan dan hasil hutan. Cukai yang dimaksudkan itu adalah peraturan yang diluluskan pada 1905 mengenai padi dan kelapa. Menurut peraturan tersebut, penduduk negeri itu diwajibkan membayar hasil keluaran tersebut dan membantu Tok Kweng dalam pungutan hasil. Bahkan sehingga tahun 1910, didapati hasil tanah masih tidak dikenakan tetapi tanah-tanah milik terpaksa dibayar cukai daripada hasil atau pendapatan tanah (*produce tax*). Sehubungan dengan itu, apabila Penasihat British mengambil alih pentadbiran negeri, pada 19 Mac 1914 kerajaan mengeluarkan notis No. 4/1914 mengenai sistem pungutan cukai tanah baru akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 1915. Notis ini berkaitan dengan penetapan hasil tanah. Maksudnya penduduk negeri itu atau petani khususnya wajib membayar cukai ke atas setiap tanah samada dikerjakan atau tidak dikerjakan.¹³Peraturan seperti inilah yang telah membebankan rakyat (Abdullah Amirah, 1957: 8). Tambahan pula peraturan ini lebih ketat daripada peraturan sebelum ini yang hanya membuat pembayaran berdasarkan hasil yang diperoleh iaitu jika hasil diperoleh tinggi, cukai pun tinggi dan hasil rendah, cukai pun rendah (C.O. 237, A. Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Tanah Jajahan, 20 Julai 1915, dalam laporan Farrer, 31 Mei 1915). Tegasnya dalam tahun 1915, bila Peraturan Tanah Tahun 1914 dikuatkuasakan semua tanah milik dikenakan hasil berbanding sebelumnya, hanya tanah yang diusahakan sahaja dikenakan *produce tax*.

¹³ Peraturan seperti inilah yang telah membebankan rakyat. Tambahan pula ianya lebih ketat daripada peraturan sebelumnya yang hanya membuat pembayaran berdasarkan hasil yang diperoleh iaitu jika hasil diperoleh tinggi, cukainya pun tinggi dan hasil rendah, cukai pun rendah. Penetapan cukai ini boleh dirujuk pada laporan, C.O. 237, A. Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Tanah Jajahan, 20 Julai 1915, dalam laporan Farrer, 31 Mei 1915. Keterangan mengenai peraturan tanah baru ini juga dapat dilihat dalam Abdullah Amirah, *Riwayat Hidup Tok Janggut*, Sinaran Bros. Ltd., Pulau Pinang, 1957, hlm. 8.

Penguatkuasaan peraturan tanah baru ini, ternyata ianya amat menyusahkan dan membebankan rakyat kerana wajib membayar cukai dalam apa keadaan pun tanpa pengecualian termasuk hasil yang tidak menjadi. Tambahan pula peraturan ini bercanggah dengan amalan sebelumnya yang mengenakan hasil berdasarkan jumlah hasil yang diperoleh. Bukan itu saja, mereka juga tidak dikenakan cukai jika hasilnya tidak menjadi. Akan tetapi di bawah peraturan tanah yang baru, sekiranya gagal membayar cukai atau hasil mereka akan didenda. Justeru itulah kemarahan penduduk tempatan tidak dapat dibendung. Bebanan ini amat dirasakan pada tahun 1915 kerana hasil tanaman tidak begitu menjadi kerana banyak tanaman yang rosak sedangkan mereka disusahkan dengan bayaran cukai tanah dan hasil. Perasaan tidak puas hati tidak dapat dibendung lagi kerana di satu pihak mereka diwajibkan membayar cukai, kalau tidak akan didenda bahkan tidak akan diberi hak milik tanah (ini kerana tugas Pejabat Tanah mendaftarkan pemilik tanah, mencatat jumlah tanah yang dimiliki dan kedudukan tanah mereka) manakala di satu pihak lagi disusahkan dengan pegawai yang bertugas tidak cekap, lembap dan bersikap kasar dengan mereka yang urusan dengan pegawai tersebut. Mereka bertambah benci kepada pihak pentadbir kerana walaupun telah beberapa kali datang urusan membayar cukai tidak dapat dilakukan.¹⁴ Kebetulan pada hari Tok Janggut dan penyokongnya hendak membayar hasil tanah mereka di Pejabat Tanah didapati orang penuh sesak. Disebabkan tidak cukup kakitangan maka berlaku kelewatan dalam menyelesaikan pembayaran itu sehingga ada di antara orang ramai yang menunggu sampai tiga hari berturut-turut. Tok Janggut bersama penyokongnya telah mengambil keputusan untuk pulang sahaja tanpa membuat bayaran hasil tanah kepada kerajaan kolonial.

¹⁴ Kebetulan pada hari Tok Janggut dan penyokongnya hendak membayar hasil tanah mereka di Pejabat Tanah didapati orang penuh sesak. Oleh sebab tidak cukup kakitangan maka berlaku kelewatan dalam menyelesaikan pembayaran itu sehingga ada di antara orang ramai yang menunggu sampai tiga hari berturut-turut. Tok Janggut salah seorang daripada rakyat yang kurang bernasib baik itu. Oleh kerana itu Tok Janggut bersama penyokongnya telah mengambil keputusan untuk pulang sahaja tanpa membuat bayaran hasil tanah itu kepada kerajaan.

Sehubungan dengan itu, kesempatan ini telah diambil oleh Tok Janggut untuk menyusun barisan bagi menentang British di Kelantan.¹⁵ Penentangan ini bukan untuk menentang sultan Kelantan seperti yang didakwa oleh sarjana Barat, kerana Tok Janggut tidak pernah menyebut untuk menentang sultan atau menderhaka tetapi bermatlamat untuk menghalau British dari bumi Kelantan. Perjuangan Tok Janggut mendapat sokongan daripada Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Haji Said, CheIshak, Penghulu Adam, Tok Husin, Tok Abas, Tok Laboh dan Tok Deraman yang berkempen untuk mempengaruhi penduduk Pasir Puteh menentang peraturan baru yang menyusahkan dan membebankan itu. Rentetan daripada tindakan Tok Janggut dan pengikutnya, Encik Latif menghantar Sarjan Che Wan dan beberapa mata-mata pada 29 April 1915, apabila mengetahui barisan penentang di bawah pimpinan Haji Mat Hassan itu sedang bermesyuarat untuk menyusun strategi di rumah Tok Nik Bas di Kampung Tok Akib. Ia bertujuan untuk membawa Tok Janggut ke Pejabat Daerah. Tindakan Encik Latif itu telah membawa kepada peristiwa pembunuhan ke atas Sarjan CheWan.¹⁶ Menurut laporan dari *The Straits Times* (1915) bertajuk “*Kelantan Trouble: The Outbreak and How it was Suppressed Rebel Leader Killed,*” peristiwa pembunuhan itu mengejutkan Encik Latif dan serta merta mengarahkan lapan orang lagi mata-mata untuk menangkap Haji Mat Hassan. Bagaimanapun setelah sampai di Kampung Kelubi, mereka dimaklumkan oleh orang-orang kampung bahawa Tok Janggut telah mengetuai seratus orang Melayu untuk menyerang bandar Pasir Puteh. Akhbar itu juga menyebutkan bahawa Encik Latif juga berusaha meminta bantuan Tok KwengGaal dan Tok Kweng Berangan tetapi gagal.¹⁷

¹⁵ Penentangan ini bukan untuk menentang sultan Kelantan seperti yang dikatakan oleh sarjana Barat, kerana Tok Janggut tidak pernah menyebut untuk menentang sultan atau menderhaka tetapi bermatlamat untuk menghalau British dari bumi Kelantan. Perbincangan ini dapat dilihat dalam, Nik Anuar Nik Mahmud (Peny.), *Tok Janggut: Pejuang atau Penderhaka*.

¹⁶ Untuk keterangan lebih terperinci peristiwa yang membawa kepada pembunuhan tersebut lihat, Nik Anuar Nik Mahmud, “Sejarah Jeram dan Kebangkitan Tok Janggut (1915),” Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 40-42.

¹⁷ Lihat, “Kelantan Trouble: The Outbreak and How it was Suppressed Rebel Leader Killed,” *The Straits Times*, 29 Mei 1915.

Berikutan peristiwa itu, barisan menentang British bertindak melancarkan serangan tiga penjuru ke atas Pasir Puteh pada 29 April 1915 dan mendudukinya selama tiga hari. Selain itu mereka juga melantik Engku Besar Jeram sebagai Pemerintah Pasir Puteh, Tok Janggut sebagai Perdana Menteri dan dibantu oleh Haji Said dan CheIshak sebagai Ketua Jajahan (Nik Anuar Nik Mahmud, 1915: 40-42).¹⁸ Untuk bertindakbalas ke atas serangan Tok Janggut dan pengikutnya, Langham-Carter, Pepys, A.G. Maxwell dan beberapa pegawai British memimpin pasukan *Malay State Guides* untuk memburu pejuang-pejuang tersebut.¹⁹ Ia bertujuan untuk mengelakkan kejadian di Pasir Puteh menjadi satu kebangkitan besar di Kelantan. Malah Penasihat British pada masa itu, Langham-Carter mengarahkan T.S. Adams, Pegawai Daerah Hulu Kelantan agar mengawasi pergerakan pengikut setia Haji Mat Hassan yang sudah mencecah 2,000 orang. Antara pengikut setianya iaitu Pa'ia dan Mat saman, dikatakan sedang menyusun barisan di daerah Kemuning untuk menyerang Kuala Krai.

Perjuangan Tok Janggut mendapat sokongan penduduk Pasir Puteh dan pengikutnya terdiri daripada penduduk Kampung Jeram, Kampung Nering, Kampung Gong Garu, Kampung Saring, Kampung Gaal dan Teratak Batu. Mereka berkubu di Kampung Dalam Pupuh yang terletak tidak jauh daripada Kampung Merbol. Di sinilah berlakunya pertempuran di antara askar British dengan kumpulan Tok Janggut. Tok Janggut gugur bersama-sama Tok Abas dan Tok Hussein (Pepys, 1965).²⁰ Sementara itu, Engku Besar dan beberapa orang

¹⁸ Laporan mengenai tindakan barisan pejuang pimpinan Tok Janggut ini dapat dilihat pada laporan, C.O. 273/426, A. Young kepada Lewis Harcourt, Pejabat Tanah Jajahan London, 5 Mei 1915.

¹⁹ Gambaran mengenai peristiwa tersebut dapat dilihat dalam fail, *British Adviser, Kelantan*, 126/1915 mengenai laporan Langham-Carter tentang peperangan di Kampung dalam Pupuh. Peristiwa pertempuran tersebut juga dapat dilihat dalam Ibrahim Nik Mahood, "The Tok Janggut Rebellion of 1915," W.R. Roff (ed.) *Kelantan: Religion, Society and Politics in Malay State*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hlm. 62-86. Sementara tindakbalas-tindakbalas dari pihak British untuk menghadapi perjuangan tersebut, lihat laporan, C.O. 273/426, A. Young kepada Lewis Harcourt 25 Mei, enclosure 1, "A copy of report of the proceeding of H.M.S. Cadmus at Kelantan," by H.D. Marryyat (Komander), 14 Mei 1915, dengan melampirkan laporan Kolonel C.W. Brownlow kepada Ibu Pejabat Negeri Selat, 16 Mei 1915; lihat juga C.O. 273/426, A. Young kepada Lewis Harcourt, Pejabat Tanah Jajahan London, 5 Mei 1915; dan C.O. 273/426, A. Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Tanah Jajahan London, 2 Jun 1915. Dalam laporan tersebut terlampir keratan akhbar *The Straits Times*, 29 Mei 1915, menceritakan kejadian pertempuran tersebut.

²⁰ Kematian Tok Janggut dan 2 pengikut beliau yang lain dapat dilihat dalam Pepys, "Kelantan During the First World War," *Malayan in History*, 12, 1965.

pemimpin yang lain telah berjaya melepaskan diri daripada kepungan askar Sikh. Gerakan memburu pengikut-pengikutnya diteruskan dengan menawarkan hadiah yang agak lumayan.

Kebangkitan penduduk di jajahan Pasir Puteh menggambarkan rakyat di negeri itu tidak dapat menerima sistem tanah baru yang agak asing bagi mereka. Situasi ini membuktikan bahawa campur tangan British baik di jajahan negeri itu mahupun negeri-negeri lain di Tanah Melayu semasa pentadbiran British telah menimbulkan perasaan tidak puas hati terutama hasil dari pengenalan peraturan baru yang menekan, membebakan dan menyusahkan mereka. Penguatkuasaan sistem pemilikan tanah dan cukai yang baru itu bukan sahaja menyusahkan malah telah menyentuh persoalan undang-undang Islam²¹ iaitu dengan ketepikan perundangan tanah Islam apabila sistem pemilikan tanah berasaskan Sistem Torrens dikuatkuasakan. Tegasnya, gerakan protes itu walaupun tidak mampu membawa perubahan yang besar kepada masyarakat terutama untuk membela nasib mereka, namun sekurang-kurangnya menyedarkan pihak pentadbir British agar lebih berhati-hati apabila melaksanakan sesuatu peraturan di negeri itu.

Meskipun pemberontakan 1915 tersebut gagal membuahkan kejayaan seperti apa yang dirancang, akan tetapi semangat perjuangan menentang British masih belum berakhir. Ianya terbukti daripada penyertaan rakyat Kelantan dalam Kesatuan Melayu Muda pada tahun 1938 dan penglibatan mereka dalam Angkatan Pemuda Insaf apabila cawangannya telah dibuka di Pasir Puteh. Tidak dapat dinafikan kegagalan pemberontakan tersebut disebabkan tidak adanya kebangkitan yang lebih menyeluruh daripada penduduk jajahan lain seperti Kota Bharu, Kuala Krai dan Pasir Mas semasa serbuan dilakukan. Malahan ia berpunca daripada kekurangan pemimpin yang sanggup berkorban seperti Haji Mat Hassan untuk membebaskan

²¹ Undang-undang Islam yang dimaksudkan undang-undang tanah tradisional Melayu. Undang-undang ini sebenarnya adalah undang-undang tanah Islam yang berdasarkan pada prinsip usaha atau *ihyadan tanda* atau *thajir*. Jelasnya kedua-dua undang-undang ini mempunyai prinsip peraturan pemilikan dan penggunaan tanah serta sistem percukaian yang berbeza sekali. Lihat, Ridzuan Awang, *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994. Lihat juga Abdullah Alwi Haji Hassan, *The Administrations of Islamic Law In Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996. Lihat juga Fail *British Adviser, Kelantan 345/1911* yang melaporkan surat-surat bantahan daripada penduduk Kampung Cherang Tuli kepada pihak berkuasa.

Kelantan dari kekuasaan British. Bahkan ada segelintir daripada pembesar seperti Kweng Tuan Muda Jeram dan Kweng Awang Hamat Semerak yang bekerjasama dengan British. Keadaan yang sama juga berlaku di negeri Melayu lain. Perkara ini membuktikan bahawa dalam gerakan anti-penjajah, kesedaran rakyat mesti digabungkan dengan kepimpinan untuk ianya membuahkan kejayaan.

Kesimpulan

Setelah berhadapan dengan berhadapan dengan kebangkitan Tok Janggut menentang pelaksanaan Peraturan Tanah Baru, pihak pentadbir mengambil langkah lebih berhati-hati. Walaupun kebangkitan ini ditumpaskan dan Tok Janggut terkorban, akan tetapi penasihat British yang menggantikan W. Langham-Carter terpaksa lebih menumpukan perhatian kepada pemodenan yang lebih umum. Hal ini kerana kegiatan huru-hara seperti itu walaupun kecil telah menimbulkan kesulitan kepada kerajaan dan sedikit sebanyak menjejaskan imej pentadbir-pentadbir mereka. Justeru, untuk mengelak daripada timbulnya perasaan tidak puas hati dan penentangan rakyat, langkah-langkah pembaharuan dalam melaksanakan pentadbiran tanah yang lebih berkesan dan telah diambil. Pihak British juga berharap agar langkah pembaharuan ini dapat memperkukuhkan lagi kedudukan mereka di Kelantan. Dengan itu akan melancarkan perjalanan sistem pentadbiran tanah. Kelantan juga cuba ditadbir secara longgar dan dibiarkan dengan lenggoknya sendiri. Maknanya corak pentadbiran lebih cenderung mempertahankan ciri ketradisional negeri itu.

Bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa apabila British masuk, perkara pertama yang dilakukan adalah membuat perubahan ke atas sistem yang sedia ada. Perubahan ini tentunya mengundang reaksi dari masyarakat, misalnya kebangkitan Tok Janggut. Justeru, pihak penjajah British mulai sedar betapa perlunya sikap berhati-hati serta kerjasama golongan elit tradisional demi menjayakan dasarnya di negeri-negeri Melayu. Maknanya

apabila British masuk mereka sudahpun merancang untuk membuat pembaharuan terutama dalam pentadbiran tanah. Jadi, kebangkitan Tok Janggut menentang peraturan baru itu menjadi pemangkin yang mempercepatkan lagi hasrat British untuk melaksanakan apa yang telah dirancangan.

BIBLIOGRAFI

Sumber-sumber Dokumen dan Fail

ARD/15. Surat Menyurat Raja Kelantan (Tuan Long Senik bin Tuan Kundur) kepada Gabenor British di Singapura, 1908/1909 membantah di atas Perjanjian *Anglo-Siamese Treaty of 1909*.

ARD/16. Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan (Tuan Long Senik bin Tuan Kundur) bergelar Sultan Muhammad IV Kelantan di upacara Penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan.

British Adviser, Kelantan.

Diary of the Raja Muda, Tengku Zainal Abidin b. Tuan Long Kundur, 1896-1912.

Catatan harian Tengku Zainal Abidin b. Tengku Kundur, 1903-1904 dan 1900-1905," Koleksi Arkib Diraja Cawangan Kelantan).

D/ MH. Mahkamah Kelantan, 1911.

D/PB I. Anggaran Hasil dan Perbelanjaan, 1910-1915.

D/PTG 2. Instructions to Land Officers Regarding Land Office Procedure.

D/SUK I. Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan, 1903-1905, 1911.

D/SUK2. *Laporan Tahunan, Ogos 1903-Mei 1905, 1911.*

Kelantan Land Enactment, 1911-1938.

Land Enactment, 63/1930, tulisan Tuan Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan, 5 Julai 1930.

MS 2003/003406, A Kelantanese Manuscript: Cerita Tok Janggut Early's 20th century Kelantan.

Pejabat Balai Kerajaan, 1912-1916.

Pejabat Menteri, Kelantan, 1913.

P/KH (MP/D (PP). Mahkamah Majistret, Pasir Puteh, Kelantan, 1913

Seksyen 7, The Hasil Nyior, *Regulation*, 1905.

“The Registration of Titles Enactment,” *FMS Enactment 1911, Enactment No.13*, Government Press, Kuala Lumpur, 1912.

Buku dan Artikel

Abdullah Alwi Haji Hassan, *The Administrations of Islamic Law In Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Abdullah Amirah, *Riwayat Hidup Tok Janggut*, Pulau Pinang: Sinaran Bros. Ltd., 1957.

Graham, W.A. *Report on the State of Kelantan for the Period 1st August 1904 to 31st May, 1905*, Bangkok: Government Printer, 1905.

Graham, W.A. *General Report of Affair in State of Kelantan tahun, 1904*.

Graham, W.A. *Report on the State of Kelantan for the period 1st August, 1904 to 31st May 1905*. Bangkok: Government Printer, 1904.

Graham, W.A. *Kelantan, A State of the Malay Peninsula: A Handbook of Information*, Glasgow, James Maclehose & Sons, 1908.

Langham-Carter, W. *Kelantan Administration Report for the Year 1912*, Kuala Lumpur: F.M.S. Government Printing Office, 1913.

Langham-Carter, W. *Kelantan Administration Report for the Year 1913*, Kuala Lumpur: F.M.S. Government Printing Office, 1914.

Langham-Carter, W. *Kelantan Administration Report for the Year 1914*, Kuala Lumpur: F.M.S. Government Printing Office, 1915.

Nik Abdul Rashid, *Land Law and Land Administration*, (a mimeograph), 2nd Impression, Kuala Lumpur: Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, 1971.

Nik Annuar Nik Mahmud, *Tok Janggut: Pejuang atau Penderhaka?* Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999.

Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.

Ridzuan Awang, *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Shahril Talib, *History of Kelantan, 1890-1940*, monograph no.21, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), 1995.

Yahya Abdullah, *Peperangan Tok Janggut atau Balasan Derhaka*, Kota Bharu, Kelantan, 1955.

Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Penasihat Inggeris: Pembaharuan Pentadbiran Negeri Kelantan dan Pengukuhan Kuasa, 1910-1920," *Warisan Kelantan IX*, PMK, Kota Bharu, 1992.

Ibrahim Nik Mahood, "The Tok Janggut Rebellion of 1915." W.R. Roff (ed.) *Kelantan: Religion, Society and Politics in Malay State*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.

Rentse, Anker dan Nik Mahmud bin Ismail, "Salasilah Raja-raja Kelantan," *JMBRAS*, Jil. 14, hlm. bah. 3, 1936.

Rentse, A. "History of Kelantan I, *JMBRAS*, vol. 12 part II, 1934.